

Bekalan ikan kurang 10 peratus sahaja

HM 21/11/2024 pg 20

Pengeluaran ketika tengkujuh dijamin konsisten dengan ditampung sektor akuakultur

Oleh Siti Aminah
Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Georgetown

Jabatan Perikanan memberi jaminan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara meskipun hasil tangkapan laut di perairan pantai timur Semenanjung dijangka berkurangan sekitar 10 peratus sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) yang di-ramal berterusan hingga Mac depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata kekurangan itu ditampung sektor akuakultur membabitkan aktiviti penternakan ikan marin seperti siakap, kerapu, bawal emas selain spesies ikan air tawar seperti keli, tilapia dan patin.

Katanya, kegiatan menangkap hasil laut berjalan seperti biasa di kawasan pantai barat di Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis dan tidak menolak kemungkinan ikan dari negeri berkenaan turut dibekalkan kepada pengguna di pantai timur bergantung kepada permintaan pasaran.

“Pengeluaran ikan marin di negara kita sekitar 1.2 juta tan metrik setahun dan angka tersebut konsisten.

“Kalau ikut bilangan bot nelayan lebih banyak di pantai barat jadi kita jangka kekurangan itu lebih kurang 10 peratus daripada pengeluaran di pantai timur sebab sepanjang tempoh November hingga Mac dan sebenarnya angka itu tidak besar pada ang- gapan dan pemerhatian kita,” katanya.

Adnan berkata demikian



“Pengeluaran ikan marin di negara kita sekitar 1.2 juta tan metrik setahun dan angka tersebut konsisten”

*Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan,
Adnan Hussain*

pada Majlis Peluncuran Wajah Baharu Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), Batu Maung dekat sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut memantau bekalan ikan dalam negara dan persediaan dilakukan lebih awal sebelum peralihan monsun termasuk membabitkan agensi dipertanggungjawabkan mengawasi bekalan stok penimbal ikan bagi menampung kekurangan bekalan.

Adnan turut menasihati nelayan pantai mengutamakan keselamatan diri pada musim tengkujuh dan sentiasa mengikuti perkembangan maklumat semasa daripada Jabatan Meteorologi (METMalaysia) selain berusaha mencari sumber pendapatan alternatif sepanjang MTL.